

02/08/2003

Tiga tokoh terima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah

Norzilawati Abdul Halim

TOKOH korporat terkenal Tan Sri Basir Ismail adalah antara tiga penerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah sempena majlis konvokesyen ke-42 Universiti Malaya (UM), yang berlangsung dari 11 hingga 16 Ogos ini.

Beliau dianugerahi Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi, manakala dua lagi tokoh iaitu Tan Sri Dr Chan Ah Chye menerima Ijazah Kehormat Doktor Sains Kejuruteraan dan bekas Pro Canselor Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja Tun Syed Zahiruddin Syed Hassan menerima Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang.

Sementara itu, seramai 7,510 graduan akan menerima ijazah masing-masing pada majlis konvokesyen kali ini. Ia adalah jumlah penerima teramai dalam tempoh 42 tahun.

Daripada jumlah itu 705 graduan mendapat Lulus Cemerlang dengan pencapaian purata gred keseluruhan CGPA 3.5 ke atas. Mereka adalah sebahagian daripada 6,234 graduan ijazah sarjana muda.

Pengurus Besar (Pentadbiran)/Pendaftar, Dr Halim Man, berkata jumlah Lulusan Cemerlang pada sesi kali ini bertambah 65 orang berbanding tahun lalu iaitu 640 graduan, daripada 5,555 penerima ijazah sarjana muda.

Bahagian pertama penganugerahan ijazah itu akan disempurnakan Sultan Perak, Sultan Azlan Shah selaku Canselor UM, antaranya kepada 73 penerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (PhD), seorang Doktor Perubatan dan 524 graduan sarjana.

"Jumlah graduan perempuan yang menerima Lulusan Cemerlang juga meningkat tahun ini iaitu seramai 534 berbanding 171 graduan lelaki, manakala tahun lalu seramai 200 graduan adalah lelaki dan 440 pula perempuan," katanya pada sidang akhbar di UM Kuala Lumpur, kelmarin.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP), Prof Datuk Dr Razali Agus, Naib Dipertua Majlis Perwakilan UM, Muhd Ramadhan Fitri Elias, Ketua Pengarah Eksekutif Ekspo Konvokesyen UM (Eskum), Mostadza Md Halimi dan Pengarah Eksekutif 1 Eskum, Nuzairee Daud @ Roni..

Mengenai peningkatan jumlah graduan tahun ini, Dr Halim berkata ini kerana graduan yang mengikuti program empat tahun tamat serentak dengan graduan yang tamat pengajian tiga tahun.

Selain itu, majlis ini juga menyaksikan penganugerahan graduan kumpulan pertama iaitu Sarjana Pergigian Klinikal seramai lima orang dan Sarjana Muda Pendidikan (Pengkhususan Bahasa Tamil) seramai 26 graduan.

Dalam perkembangan lain, Eskum menganjurkan pelbagai program sepanjang Konvokesyen berlangsung antaranya, Bicara Siswa, Diskusi Hala Tuju Negara Pasca Dr Mahathir Mohamad, Bicara Bersama Wira Negara dan Laman Penghargaan Bakat.